

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PELANCARAN YAYASAN SENI

TEMPAT: AUDITORIUM DEWAN BANDARAYA, KUALA LUMPUR,

TARIKH: 08 SEP 1984

MASA:

Yang Berbahagia Puan Mahani Idris,
Pengerusi Yayasan Seni;
Dif-Dif Kehormat;
Tuan-tuan dan puan-puan.

Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli-Ahli Lembaga Amanah Yayasan Seni kerana sudi menjemput saya dan isteri ke majlis ini.

2. Saya sendiri secara peribadi sangat gembira dengan cita-cita dan usaha hendak menubuhkan sebuah yayasan khusus untuk seni dan kebudayaan. Dalam zaman individu dan masyarakat mengejar kemajuan dan kemakmuran ini, tidak ramai di kalangan kita yang rela mengorbankan masa dan tenaga bagi menjalankan kerja-kerja yang dianggap tidak mendatangkan untung dari segi wang ringgit. Bukan itu sahaja, malah tidak ramai di kalangan kita yang rela memberikan sokongan moral kepada kehidupan seni dan budaya kerana tidak ramai yang betul-betul berminat dalam bidang itu.

3. Pada tahun-tahun enampuluhan, Kuala Lumpur telah menjadi pusat seni dan kebudayaan. Hampir setiap bulan ada sahaja aktiviti kebudayaan seperti drama pentas yang dipertunjukkan kepada ramai, bukan sahaja oleh badan-badan sukarela tetapi juga oleh institusi-institusi pengajian tinggi. Sambutan orang ramai juga sungguh menggalakkan. Keghairahan kehidupan seni itu menyebabkan timbul desakan supaya Kerajaan membina sebuah kompleks kebudayaan atau 'cultural centre' yang serba moden untuk menampung dan menggalakkan perkembangan seni kita. Walaupun kerajaan mempunyai hasrat untuk mengadakan kemudahan seperti itu, kekurangan wang menyebabkan kita harus memikirkan soal keutamaan pembangunan atau 'development priorities'.

4. Mujur juga kerajaan tidak terus membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk membina kompleks kebudayaan negara. Jika kita melihat kepada kegiatan dan perkembangan seni pada tahap sekarang, kita akan mempunyai 'seekor gajah putih' di Kuala Lumpur. Buat apa dengan dewan yang cantik dan penuh dengan kelengkapan moden kalau tidak ada pertunjukan? Buat apa dengan dewan yang besar kalau pertunjukan kita disaksikan oleh beberapa kerat penonton sahaja?

5. Saya bersetuju bahawa untuk menggalakkan kehidupan seni

kita perlu menyediakan kemudahan-kemudahan asas. Tetapi apakah di Kuala Lumpur belum ada kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan itu? Saya rasa jikalau kita hendak mementaskan sebuah drama atau satu pertunjukan kebudayaan setiap bulan, kita sudah mempunyai kemudahan yang cukup.

6. Setiap pusat pengajian tinggi di Kuala Lumpur mempunyai sebuah dewan besar yang moden dan lengkap. Badan berkanun seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, Dewan Bandaraya dan Majlis Perbandaran lain juga mempunyai kemudahan yang sama. Apabila kompleks UMNO siap, kita akan mempunyai satu lagi tempat yang besar bagi mengadakan pertunjukan. Selain itu beberapa hotel terkemuka juga mempunyai berbagai kemudahan pementasan. Jika dikira dari segi kemudahan, tentu sudah lebih daripada cukup.

7. Ada orang-orang tertentu berkata mereka tidak boleh menggunakan kemudahan yang sudah ada kerana kadar bayarannya mahal. Saya ingin menegaskan kalaupun kerajaan membina kompleks kebudayaan, setiap badan yang hendak menggunakannya perlu membayar sewa. Jika tidak, bagaimanakah dapat kita membayar kos pembinaan kompleks itu? Soal bayaran tidak patut timbul kerana setiap penganjur pertunjukan seni dan kebudayaan boleh mendapat wang itu melalui penjualan tiket, penajaan dan sebagainya.

8. Soal yang lebih penting yang perlu banyak difikirkan ialah soal mutu dan nilai setiap aktiviti seni. Saya perhatikan bahawa kekuatan dayacipta masih perlu ditingkatkan. Sama ada masyarakat penonton akan memberikan sambutan yang memberangsangkan atau tidak terhadap sesuatu pertunjukan, banyak bergantung kepada kekuatan dayacipta kita.

9. Dayacipta ini bukan sahaja terletak pada soal cerita atau bahan cerita tetapi juga meliputi soal pelakon, penari, pengarah hingga kepada juruhias pentas. Prinsip yang perlu ada dan perlu diamalkan ialah setiap hasil itu perlu mengandungi kesegaran. Kesegaran ciptaan ini boleh didapati melalui pelbagai 'innovations'. Pengarang dan penulis drama terkenal seperti W.S. Rendra banyak menggunakan eksperimen dan innovations untuk memberi nafas baru kepada kehidupan teater negara. Malah pada suatu waktu, beliau berjaya mempopularkan seni berzanji di kalangan masyarakatnya.

10. Seperkara lagi yang ingin saya ingatkan ialah seni tidak diasaskan semata-mata kepada bakat semulajadi. Bagi mereka yang ada bakat sekalipun, latihan yang berulang-ulang mesti dibuat sebelum mencapai tahap yang tinggi dan menarik. Apatah lagi bagi mereka yang tidak begitu berbakat. Sebenarnya seni memerlukan minat bekerja sama seperti kerja-kerja lain. Adalah salah kalau mereka yang berbakat menganggap mereka tidak perlu berlatih atau lebih penting lagi, belajar dari orang lain. Sifat yang angkuh ini akan menghalang "the quest for perfection".

11. Saya berharap badan-badan seperti Yayasan Seni akan

dapat membantu menggiatkan semula kegiatan seni dan budaya terutama di Kuala Lumpur. Di samping pembangunan fizikal, kita juga perlu memupuk dan menggalakkan pembinaan akal menerusi apresiasi dan penghayatan seni. Kerana setiap kerja seni juga boleh mencerminkan ketinggian tamadun bangsa kita.

12. Oleh itu, di samping kita memperkenalkan dan menggilap kembali unsur seni yang menjadi warisan, kita juga perlu mencipta untuk masa depan. Kita juga perlu meninggalkan tradisi generasi kita ini untuk generasi akan datang. Segala ciptaan seni kita tidak akan menjadi tradisi jika masyarakat kita tidak menerimanya. Jadi kita perlu mencipta untuk menjadi jurubicara masyarakat bagi sesuatu zaman, bukan bersuara untuk diri sendiri. Dengan cara itu, masyarakat dapat menerima, menghayati dan menyanjung ciptaan-ciptaan kita. Apabila ada sokongan yang kuat daripada masyarakat, kehidupan seni akan bertambah subur.

13. Pembinaan seni dan kebudayaan ini tidak boleh dibiarkan kepada pencinta-pencinta seni atau kerajaan semata-mata. Semua golongan perlu memberi sokongan dan kerjasama. Pihak swasta juga perlu mempergiat usaha ke arah ini melalui bantuan kewangan atau kemudahan. Kita perlu bersama-sama mencari bakat-bakat baru, mengasah mereka dan mendedahkan mereka kepada masyarakat. Di sinilah media massa, terutama televisyen, boleh turut membantu.

14. Kerajaan memberikan lesen penyiaran kepada TV3, misalnya, bukan semata-mata sebagai satu bentuk perniagaan, tetapi supaya ia juga membantu kerajaan membina identiti nasional, memupuk keperibadian nasional. TV3 patut memulakan rancangan bagi membantu badan-badan seni seperti Yayasan Seni dengan menyiarkan pertunjukan atau pementasan mereka yang bernilai dan yang mencerminkan keperibadian kebangsaan kepada orang ramai.

15. Dengan cara itu, bukan sahaja kita mengasuh masyarakat kita supaya menerima dan menghayati seni yang sesuai dan tinggi mutunya tetapi ia juga membantu badan-badan seni itu memperbaiki mutu persembahan mereka. "Pervasive exposure" kepada bentuk-bentuk dan corak seni yang bernilai inilah yang boleh membantu kita membina kebudayaan kebangsaan, bukannya semata-mata dengan mengadakan peraturan, dasar atau undang-undang.

16. Saya sangat gembira pada malam ini bukan sahaja kerana sebuah lagi pertubuhan bukan kerajaan lahir untuk berkhidmat kepada masyarakat dalam bidang yang bukan menjadi rebutan semua orang, tetapi juga kerana tokoh yang mengusahakannya ialah isteri seorang anggota Kabinet kita. Sementara semua orang tahu bahawa suaminya, YB Encik Daim Zainuddin ialah usahawan yang sangat berjaya, Pengerusi Yayasan seni, Puan Mahani pula terkenal sebagai pencinta seni dan budaya.

17. Gabungan mereka berdua ini boleh dianggap sebagai gabungan hidup yang ideal. Selalunya seniman terpaksa

mencari patron untuk terus mencipta kerana biasanya mereka bukan terdiri dari golongan yang pandai mencari duit. Bagi Puan Mahani tidak payah cari jauh-jauh. Patronnya sentiasa ada di sisinya. Kita berharap dengan hakikat itu dan dengan sokongan semua pihak, Yayasan Seni akan dapat melaksanakan cita-cita dan janjinya kepada masyarakat.

18. Sekarang dengan segala sukacitanya saya melancarkan Yayasan Seni ini dengan rasminya.
Terima kasih.